



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN PERLINDUNGAN DIRI (KPD) UNTUK PASUKAN PANTAS MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

- ✚ Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak Majlis akan melaksanakan perolehan bekalan/~~perkhidmatan~~ bagi membekal dan menghantar Kelengkapan Perlindungan Diri (KPD) untuk pasukan Pantas Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- ✚ Oleh yang demikian tuan/puan adalah dipelawa untuk mengemukakan **surat sebut harga** bagi kerja perolehan bekalan/~~perkhidmatan~~ tersebut mengikut huraian skop kerja yang ditetapkan seperti di lampiran A.
- ✚ **Tempoh ~~bekalan/perkhidmatan~~ yang ditetapkan adalah selama satu (1) bulan dari tarikh Surat Tawaran dikeluarkan.**
- ✚ Sekiranya berminat, tuan/puan diminta untuk menyerahkan dokumen lengkap seperti senarai berikut dan hantar ke Peti Perolehan Jabatan Khidmat Pengurusan, Aras 2, MBSJ pada atau sebelum **12 November 2025**.
 1. **Surat Sebut Harga (menggunakan *letterhead* syarikat)** bagi kerja membekal dan menghantar Kelengkapan Perlindungan Diri (KPD) untuk pasukan Pantas Majlis Bandaraya Subang Jaya mengikut spesifikasi dan skop kerja seperti di Lampiran A.
 2. Satu (1) Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 3. Mengisi maklumat - Lampiran 6 (Surat Akuan Pembida)
 4. Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun kalender semasa dan berstatus 'PATUH' – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
 5. Satu (1) salinan sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan kod bidang berkaitan:-
 - 120401- Pertahanan dan Keselamatan/Peralatan Keselamatan dan Penguatkuasaan/Alat Keselamatan, Perlindungan dan Kawalan Perlindungan

LAMPIRAN A

A1. SKOP KERJA MENGIKUT TEMPOH MASA YANG DITETAPKAN

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti
1	Alpha Freedom (Kasut Boot)	Pasang	6
2.	Global X Cycle Pro (Kasut Boot)	Pasang	12
3.	Balaclava (Penutup Muka)	Helai	18
4.	Safety Helmet	Buah	18
5.	Lampu Taktikal Helmet	Buah	6
6.	Lampu Ayam /Lantern	Buah	6
7.	Sarung Tangan Anti Cut	Pasang	18
8.	Tali Battlecord	Seutas	12
9.	Cermin Mata 3 Lense	Pasang	12
10.	Pisau Air	Bilah	6
11.	Baju Hujan Polyster VC8	Helai	18

A2. SPESIFIKASI TEKNIKAL

BIL	PERKARA	GAMBAR
1.	Kasut Boot (Alpha Freedom) Original S.W.A.T. Alpha Freedom 8” Hands-Free Boots Piawaian : ASTM F2913 Slip Resistance Jenis : Hands-Free Tactical Boot Spesifikasi : Jacquard textile 50% recycled polyester + leather toe; Ortholite footbed; YKK Side Zipper; Tapak getah slip resistant; Ergonomic toe box; Back Part Molding heel. Warna : Hitam Saiz : Ikut ukuran pengguna	

BIL	PERKARA	GAMBAR
2.	Kasut Boot (Global X Cycle Pro) Global-X Cyclone 6" Tactical Boots Piawaian : ASTM F2913 Slip Resistance Jenis : Mid-Cut Tactical Boot Spesifikasi : Tapak getah slip resistant; Compression EVA midsole; Ortholite footbed; YKK side zipper; Perlindungan buku lali 6 inci. Warna : Hitam Saiz : Ikut ukuran pengguna	 Global-X Cyclone 6" Boots
3.	Penutup Muka Tactical Balaclava Piawaian : Mengikut piawaian antarabangsa Jenis : Balaclava Polyester-Spandex Spesifikasi : Material 84% Polyester, 16% Spandex; Ringan; Quick dry; Boleh dipakai pelbagai gaya; Sesuai di bawah helmet. Warna : Olive Drab Saiz : 43 x 25.5 cm	 Balaclava
4.	Safety Helmet Rothco Advanced Tactical Adjustable Airsoft Helmet Piawaian : Mengikut piawaian antarabangsa Jenis : ABS Lightweight Training Helmet Spesifikasi : Adjustable rear dial + fit band; Military-style chinstrap; NVG mounting point; Multi-position side rails; Menyokong 3ptic, kamera, lampu. Warna : Hitam / Coyote Saiz : One size fits most	 Rothco Advanced Tactical Adjustable Airsoft Helmet
5.	Lampu Taktikal Helmet Helmet Light Piawaian : ASTM F2913 equivalent Jenis : High-Impact Tactical Helmet Light Spesifikasi : LED Putih, IR & berwarna (High, Med1, Med2, Low, Strobe); 55 lumens High; Beam 69m; 1175 candela; 2x AA Alkaline/Lithium; Kepala tilting 185°; NVG compatible. Warna : Coyote Saiz : 2.34 inci; Berat 124-142g	 Helmet Light

BIL	PERKARA	GAMBAR
6.	Lampu Ayam Lantern 7.25” Tahan Lasak Piawaian : ASTM F2913; IPX7 Waterproof Jenis : Hand Lantern, Battery Powered Spesifikasi : 360° pencahayaan; 540 lumens (High, 30h), 275 lumens (Med, 70h), 55 lumens (Low, 295h); Red LED SOS; Recessed power button + battery indicator; Terapung; Tahan hentakan 2m. Warna : Coyote Tan Saiz : 7.25 inci; Berat 878g	<u>Lantern</u> 
7.	Sarung Tangan Anti Cut Anti-Cut Gloves – HWI HPG100 Puncture-Pro Piawaian : ASTM E3109-18; ANSI/ISEA 105-2016 Jenis : Tactical protective gloves Spesifikasi : Hypodermic Needle 28g Level 3; Cut Resistance A9; Abrasion Resistance Level 3; Touchscreen compatible; Synthetic leather palm; Reinforced knuckle & finger guards. Warna : Hitam Saiz : Ikut ukuran pengguna	<u>Anti Cut Gloves</u> 
8.	Tali High Tensile Rope (BattleCord) Piawaian : Mengikut piawaian antarabangsa Jenis : 7 Strand Static Core Rope Spesifikasi : Diameter 5.6mm; Tensile 2650 lbs (1202 kg); 14oz per 50ft; 7 teras (350 lbs setiap satu); Warna tidak luntur; Tahan UV, kimia & reput. Warna : Hitam Saiz : 50 kaki	<u>High Tensile Rope</u> 

BIL	PERKARA	GAMBAR
9.	Cermin Mata 3 Lense Tactical Eye Protector – SABER ADVANCED Piawaian : ANSI Z87.1; UV Protection 100% Jenis : Semi-rimless frame eyewear Spesifikasi : Grey shield (max glare reduction, UVA/UVB 100%); Light Rust shield (filter blue light, enhance contrast, UVA/UVB 100%); Adjustable temples; Adjustable nose piece; NVG compatible; Elastic strap. Warna : Grey / Light Rust Saiz : Ikut ukuran pengguna	<u>Tactical Eye Protector</u> 
10	Pisau Air Tactical Knife – Ka-Bar 5055 Short Black Tanto Piawaian : Mengikut piawaian antarabangsa Jenis : Partially serrated tanto blade Spesifikasi : 1095 Cro-Van steel; Black epoxy powder coating; Kraton G handle; Black metal butt cap & guard; Glass-filled nylon sheath. Warna : Hitam Saiz : Bilah 5.25" ; Panjang keseluruhan 9.38" ; Berat 200g	<u>Tactical Knife</u> 
11	Baju Hujan Polyster VC8 Jenis: Baju dan seluar hujan waterproof Spesifikasi: • Waterproof (kalis hujan) • Ringan dan tahan lasak • Ergonomic Ciri-ciri: ✓ Keselamatan- mempunyai garis pantulan cahaya ✓ Selesa dipakai ✓ Keutuhan- tidak mudah rosak Spesifikasi:	 HADAPAN

BIL	PERKARA	GAMBAR
	<u>Baju:</u> a) Warna – Kuning Fluorescent b) Kolar – diperbuat daripada 2 lapisan dan dijahit pada badan. Di bahagian belakang kolar dipasang dengan 5 <i>snap on button</i> untuk memasang <i>hood</i>. c) Lengan – Pelipat tangan (<i>cuff</i>) hendaklah dijahit diujung lengan. Pelipat tangan dipasang dengan <i>Elastic Band</i>. Pelipat tangan juga boleh dimasukkan ke dalam penghujung lengan. d) Penutup Hadapan Baju-Penutup hadapan (<i>front closure</i>)mengandungi zip dan ditindih dengan dua kelepak (<i>flap</i>). Kelepak sebelah dalam dijahit di sebelah kiri manakala kelepak luar dijahit di sebelah kanan. <i>Fastener tape, hook & loop</i> digunakan bagi melekatkan kedua-dua kelepak. e) Lapik (<i>lining</i>)-Bahagian dalam baju hendaklah dilapik penuh (<i>full lining</i>) f) Bahagian Belakang Baju-Bahagian belakang baju terdapat pembukaan untuk ventilasi. g) Poket-Di bahagian dalam di sebelah kanan baju diadakan poket tampal dengan penutup (zip) h) Logo - Cetakan logo MBSJ di bahagian hadapan atas kiri baju hujan. i) Organisasi - Cetakan akronim “PANTAS MBSJ”, saiz tulisan 3 inci tinggi x 10 inci lebar dicetak dibahagian belakang baju hujan. j) Seam Tape-<i>Seam Tape</i> mesti digunakan di bahagian dalam untuk menutup jahitan bagi mengelakkan air daripada masuk ke dalam Baju Hujan <i>Waterproof</i>. k) Lapisan baju mestilah bebas daripada <i>pinholes</i> dan kerosakan. <u>Hood:</u> Di bahagian hadapan <i>hood</i> diadakan ruang untuk dipasang tali. Di kedua penghujung tali dipasang dengan pengunci. Di bahagian bawah pula dipasangkannya dengan 5 <i>snap on button</i> supaya dapat dipasang kepada kolar.	 BELAKANG

BIL	PERKARA	GAMBAR
	<u>Seluar :</u> a) Warna- Hitam b) Seluar-Seluar hendaklah longgar dari jenis potongan lurus. c) Pinggang-Pinggang diperbuat dari dua lapisan dan dipasang <i>elastic band</i> dan tali yang keluar melalui <i>eyelet</i>. Penghujung tali dipasang dengan pengunci. d) Kaki seluar-Di kedua belah kaki seluar iaitu di bahagian tepi dipasang zip bagi memudahkan seluar disarung apabila zip dibuka. e) Bahan Pantulan Cahaya- 2 helai bahan pantulan cahaya hendaklah dijahit di setiap kaki seluar. f) Lapik (<i>Lining</i>)-Lapik paras lutut dijahit di bahagian dalam seluar. g) Seam Tape-<i>Seam tape</i> mesti digunakan di bahagian dalam untuk menutup jahitan bagi mengelakkan air daripada masuk ke dalam Seluar Hujan <i>Waterproof</i>. h) Lapisan seluar mestilah bebas daripada <i>pinhole</i> dan kerosakan. Spesifikasi Teknikal: Reka Bentuk : a) <i>Lining</i>-Fabrik jenis nylon yang ringan berwarna hitam untuk baju dan seluar. b) Tali-Jenis <i>polyester</i> dengan ukuran bersesuaian dan berwarna hitam. c) <i>Snap on Button</i>-Diperbuat daripada tembaga (copper) dengan ukuran yang bersesuaian. d) <i>Fastener Tape, Hook and Loop</i>-Lebar 20mm dan berwarna <i>Fluorescent Yellow</i>. e) <i>Elastic Band-Wide Black Knit Heavy Stretch High Elasticity Elastic Band</i> yang mempunyai lebar 25mm f) Cetakan Akronim-Tulisan PANTAS MBSJ terdiri daripada bahan pantulan cahaya microprismatic berwarna PUTIH dan berlatarbelakang warna biru.	SELUAR 

BIL	PERKARA	GAMBAR
	g) Bahan Pantulan Cahaya-Jalur bahan pantulan mesti berwarna putih jenis <i>double layer</i> dan jenis <i>reflexite</i>. Lebar jalur bahan pantulan adalah 50mm untuk dijahit di lengan baju dan kaki seluar. h) Zip : 1) Zip hadapan baju mestilah jenis <i>heavy duty, open</i> dan <i>double slide</i> dengan ukuran 660mm + 5mm 2) Zip seluar adalah jenis Nylon dengan ukuran 310mm + 5mm 3) Zip poket <i>lining</i> adalah jenis Nylon dengan ukuran 150mm + 5mm i) Warna: Warna fabrik baju adalah kuning <i>fluorescent</i> manakala seluar dan tali adalah hitam j) Lining: Lining berwarna biru untuk baju dan seluar	

SURAT AKUAN PEMBIDA

**PELAWAAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR KELENGKAPAN
PERLINDUNGAN DIRI (KPD) UNTUK PASUKAN PANTAS
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

MBSJ.KP.400-5/2/78

Saya,No. Kad Pengenalan..... yang
Mewakili nombor Pendaftarandengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Majlis Bandaraya Subang Jaya atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:
 - 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
 - 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.
3. Saya sesungguhnya faham bahawa-
 - 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
 - 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.
4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah

merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya

5. Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
6. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	
Nama	:	
No.KP	:	
Tarikh	:	
Cap Syarikat	:	

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

LAIN-LAIN SYARAT

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

1. LAPORAN PRESTASI KERJA

Pihak MBSJ berhak untuk meminta **Laporan Prestasi Kerja** bagi memantau kemajuan kerja dan berhak untuk membuat lawatan ke premis petender untuk melihat kerja-kerja yang sedang dijalankan pada bila-bila masa.

2. TEMPOH PENYIAPAN DAN PENGHANTARAN

Tempoh penyiapan dan penghantaran bagi kerja ini adalah ditetapkan selama **Satu (1) Bulan** dari tarikh Borang Tanggungan / Borang Pesanan (L/O) ditandatangani.

3. LOKASI PENGHANTARAN

Bekalan peralatan mengikut kuantiti yang ditetapkan hendaklah dihantar ke alamat / lokasi yang ditetapkan oleh pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya seperti berikut:

Bahagian Pentadbiran Am,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Aras 2, Majlis Bandaraya Subang Jaya,
Persiaran Perpaduan, USJ 5,
47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-80263132/7535/7435

4. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai serta dalam keadaan sempurna. Bayaran adalah berdasarkan kuantiti yang dinyatakan mengikut kuantiti di dalam Borang Pesanan (L/O).

5. KECACATAN / 'DEFECT'

Pihak Majlis berhak untuk memulangkan semula pakaian yang tidak sempurna untuk dibaiki dan dipulangkan dalam tempoh seminggu daripada tarikh bekalan diterima. Caj baik pulih serta lain-lain caj yang terlibat akan ditanggung oleh pihak petender.

6. PEMATUHAN SPESIFIKASI

Petender wajib mematuhi spesifikasi *barang/peralatan* seperti yang terkandung di dalam Lampiran A.

- 7.** Petender yang Berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Majlis.